



PLANMalaysia@Melaka

(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI MELAKA)

Perancangan Melangkuai Kelaziman

Planning : Beyond Conventional

MONOGRAF PRODUK JABATAN TAHUN 2022



MELAKAKU MAJU JAYA,
RAKYAT BAHAGIA,
MEGGAMIT DUNIA

KULIT REPORT



mONOGRAF PRODUK JABATAN TAHUN 2022

SIDANG REDAKSI

Penasihat :

- TPr Norjafni bin Zainuddin

Editor :

- En. Mohd Syukri bin Yahya

Pengarang :

- En. Rozaihan bin Daud
- Pn. Ainnurnazira binti Junaidi

Setiausaha :

- En. Muhammad Hazam bin Dusuki

Grafik & Fotografi :

- Pn. Masliana binti Md Jami
- Pn. Norlyza binti Rosli
- Pn. Sharina binti Jailani
- Pn. Suryati binti Mkod Anuar



PLANMalaysia@Melaka

(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI MELAKA)

Perancangan Melangkuai Kelaziman

Planning : Beyond Conventional

<http://www.jpbdmelaka.gov.my>

Tahun Terbitan : 2022

Isi Kandungan

<input type="checkbox"/> Perutusan YAB Ketua Menteri Melaka	—	i
<input type="checkbox"/> Sekapur Sirih YB Datuk SUK	—	ii
<input type="checkbox"/> Prakata Pengarah	—	iii

1.0 Pengenalan

1.1 Tujuan —	2
1.2 Dasar Kualiti —	2

2.0 Produk Jabatan

2.1 Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)	4
2.2 Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian)	6
2.3 Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Peringkat Negeri Melaka	8
2.4 Garis Panduan Perancangan Kebenaran Merancang Tempoh Terhad Negeri Melaka	10
2.5 Garis Panduan Perancangan Skim Perumahan Komuniti Strata (SPKS) dan Garis Panduan Perancangan Skim Komuniti Berpengawal (Perumahan Bukan Strata) (SKP)	12
2.6 Buku Panduan Tatacara Permohonan Secara Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta 172	14
2.7 Buku Panduan Tatacara Permohonan Kebenaran Merancang di bawah Subseksyen 5(2), Akta 172	17
2.8 Garis Panduan Perancangan Laluan Basikal dan Pejalan Kaki Negeri Melaka	20
2.9 Profil Pekan-Pekan Kecil Negeri Melaka	22

Isi Kandungan

2.0 Produk Jabatan

2.10 Aplikasi MeLGIS (<i>Melaka Geographic Information System</i>) ——————	25
2.11 Buletin Perancangan ——————	28
2.12 Monograf Jabatan ——————	29

3.0 Penutup

3.1 Kesimpulan ——————	31
3.2 Penghargaan dan Terima Kasih ——————	32



PERUTUSAN YAB KETUA MENTERI MELAKA



Salam Hormat

**“ Melakaku Maju Jaya
Rakyat Bahagia
Menggamit Dunia”**

Alhamdulillah dan segala pujian bagi Allah SWT kerana Rahmat dan Limpah Keizinan-Nya, Monograf PLANMalaysia@Melaka (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka) ini dapat diterbitkan dengan jayanya bagi tahun 2022.



Perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) telah genap usianya 100 tahun pada 2021. Penubuhan di Negeri Melaka bermula tahun 1960 dengan nama Jabatan Perancangan Bandar dan Kampung Negeri Melaka dan lokasi pejabat di Jalan Laksamana. Tahun 1977, bermulalah detik sejarah apabila Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka ditubuhkan untuk menggantikan cawangan tersebut.

Fungsi PLANMalaysia@Melaka yang dapat dilihat dengan perspektif yang menyeluruh dalam membangunkan Negeri Melaka adalah sangat menyerlah dan banyak membawa hasil yang positif terutama fungsi PLANMalaysia@Melaka sebagai penasihat kepada kerajaan Negeri Melaka menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka. PLANMalaysia@Melaka telah menyediakan pelbagai garis panduan serta dasar-dasar perancangan selaras dengan kehendak sebagai sebuah negeri yang terurus dan teratur, membangun dengan perancangan yang betul selaras dengan wawasan Melaka sebagai sebuah negeri maju.

Diharapkan dengan penerbitan Monograf ini dapat membuka minda masyarakat Malaysia khususnya dalam bidang Perancangan Bandar serta memacu pembangunan Negeri Melaka. Tahniah dan syabas kepada PLANMalaysia@Melaka kerana berjaya menerbitkan monograf ini. Semoga jabatan lain dapat mengikut jejak serta menjadikan ia suatu jambatan penghubung hasrat kerajaan kepada rakyat sepertimana yang diharapkan dan sentiasa diberkati oleh Allah SWT.

Salam hormat,

DATUK SERI UTAMA (Dr.) HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI
Ketua Menteri Melaka

SEKAPUR SIRIH YB DATUK SUK



Salam Hormat

**“ Melakaku Maju Jaya
Rakyat Bahagia
Menggamtit Dunia”**

Penjawat awam adalah nadi dan sumber inspirasi perkhidmatan awam negara serta penentu kejayaan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan. Semua penjawat awam perlu sentiasa bersikap profesional dan juga perlu berfikir di luar kotak dalam mencari idea-idea baharu bagi memastikan tahap keberhasilan perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan dapat dirasai oleh semua genap rakyat.




Penerbitan Monograf ini dilihat sebagai salah satu penghasilan bahan ilmiah yang dilihat dapat membantu dalam meneruskan agenda Kerajaan Negeri bagi mencapai matlamat utama dalam membina dan mengurus negeri Melaka ke arah Melaka Maju Jaya, serta akan memenuhi harapan dan kehendak daripada rakyat.

Selain daripada itu juga, ianya sedikit sebanyak dapat membantu dalam merubah lanskap kehidupan masyarakat di Negeri Melaka ke arah masyarakat yang maju dengan pemikiran sepertimana di negara maju. Saya juga berharap dengan adanya monograf ini, ianya dapat digunakan dan dimanfaatkan kepada umum dan dijadikan asas kepada pembangunan yang lebih berdaya saing.

Tahniah dan syabas kepada PLANMalaysia@Melaka kerana berjaya menghasilkan monograf yang sangat komprehensif dan di luar kelaziman perancangan bandar ke arah pembangunan bandar berdaya huni masa hadapan. Sekian terima kasih.

Salam hormat,


Datuk Wira Zaidi Bin Johari
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

PRAKATA PENGARAH



Salam Hormat &
Salam 100 Tahun Perancang Bandar Malaysia



Alhamdulillah setinggi-tinggi syukur kehadrat Ilahi kerana PLANMalaysia@Melaka telah berjaya menghasilkan dan menerbitkan Monograf ini. Dengan kerjasama semua kakitangan terutamanya Ketua-ketua Bahagian di PLANMalaysia@Melaka selaras dengan wawasan Kerajaan Negeri.

PLANMalaysia@Melaka berperanan sebagai penasihat kepada kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam urusan perancangan dan pembangunan spatial melalui aktiviti-aktiviti penyediaan rancangan pembangunan, kawalan pembangunan dan penyediaan pelan-pelan susunatur bagi kawasan-kawasan perkampungan, perumahan, perindustrian, pelancongan dan sebagainya. Perkembangan fungsi dan tanggungjawab Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri dapat dilihat berdasarkan kepada penglibatan serta keanggotaannya di dalam berbagai jawatankuasa di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan kerajaan tempatan.

Terbitan monograf ini merupakan bahan ilmiah yang disediakan secara khusus terhadap hasil atau input PLANMalaysia@Melaka yang terperinci dalam membantu pihak-pihak yang berkenaan khususnya di dalam bidang perancangan bandar dan desa dan juga bidang-bidang yang berkaitan dalam membuat perancangan serta pembangunan di Negeri Melaka selaras dengan slogan Kerajaan untuk menjadikan Negeri Melaka sebagai **“Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia”**.

Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua lapisan pegawai PLANMalaysia@Melaka yang terlibat dalam membantu dan menjayakan penerbitan monograf ini.

Sekian,

TPr Norjafni bin Zainuddin
Pengarah PLANMalaysia@Melaka

1.0

PENGENALAN

1.1 TUJUAN

Monograf Produk Jabatan Tahun 2022 menceritakan tentang **produk-produk jabatan** yang telah berjaya atau sedang diterbitkan oleh PLANMalaysia@Melaka dengan kerjasama jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi teknikal yang lain.

Monograf adalah sebutan lain untuk buku, dan digunakan untuk membezakan terbitan tersebut dengan terbitan bersiri. Penghasilan monograf dapat digunakan dan dimanfaatkan kepada umum dan dijadikan asas kepada perancangan dan pembangunan yang lebih berdaya saing khususnya di Negeri Melaka.

Penerbitan Monograf ini juga dapat membuka minda masyarakat khususnya di dalam bidang Perancangan Bandar dan Desa.

1.2 DASAR KUALITI

PLANMalaysia@Melaka komited untuk memberi perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa yang memenuhi keperluan pelanggan serta meningkatkan secara berterusan kualiti perkhidmatan melalui pencapaian dan penambahbaikan objektif kualiti. Pengurusan atasan PLANMalaysia@Melaka perlulah memastikan Dasar Kualiti sentiasa :

- Bersesuaian dengan hala tuju Pengurusan PLANMalaysia@Melaka
- Difahami oleh warga kerja PLANMalaysia@Melaka
- Dibincangkan dan dikaji semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan (sekurang-kurangnya sekali setahun) untuk memastikan kepuasan pelanggan tercapai secara berterusan
- Melaksanakan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan kualiti secara berterusan sejajar dengan keperluan semasa Sistem Pengurusan Kualiti PLANMalaysia@Melaka

2.0
PRODUK
JABATAN

2.1 RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH 2035 (PENGGANTIAN)



Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian) meliputi kawasan seluas 78,881.92 hektar iaitu 67,317.68 hektar kawasan daratan dan 11,564.24 hektar kawasan perairan 3 batu nautika Selat Melaka yang merangkumi 31 mukim daerah Alor Gajah termasuk 3 pulau kecil yang terletak di mukim Kuala Sungai Baru dan mukim Kuala Linggi. Kawasan rancangan tempatan ini dibahagikan kepada 8 blok perancangan dan 31 blok perancangan kecil bagi memudahkan kawalan perancangan dan pemajuan guna tanah yang mana Majlis Perbandaran Alor Gajah merupakan pihak berkuasa tempatan bagi kawasan ini.

Pada tahun 2020, penduduk daerah Alor Gajah berjumlah 215,100 orang (22.4% daripada penduduk Negeri Melaka). Pada tahun 2035 dengan mengambil kira kadar pertumbuhan sederhana, unjuran penduduk kawasan rancangan tempatan ini meningkat kepada 305,000 orang. Peningkatan ini mengambil kira trend pertumbuhan penduduk daerah Alor Gajah di antara tahun 2000 sehingga tahun 2020 (1.49% sehingga 2.84% setahun).



Halatuju pembangunan menjelang tahun 2035 adalah berasaskan trend pembangunan semasa, isu-isu utama dan cabaran, kekuatan serta potensi Alor Gajah. Bagi memastikan rancangan ini selaras dengan perancangan di peringkat negeri, rancangan ini menekankan dan memperkuuhkan konsep Negeri Bandar (City State) sebagaimana dalam RSN Melaka 2035 selain mengambil kira Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya. Dasar-dasar di peringkat antarabangsa dan nasional juga telah diambil kira seperti Sustainable Development Goals, Rancangan Fizikal Negara Ke-4 dan Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara-2. Pelaksanaan Negeri Bandar (City State) diperkuuhkan melalui 6 teras dan disokong oleh 3 kriteria utama.

6 TERAS MEMPERKUKUHKAN CITY STATE

- Pembangunan perbandaran yang efisien dan mampan;
- Pembangunan ekonomi bandar yang kukuh, dinamik dan berdaya saing;
- Sistem pengangkutan bandar yang bersepadu dan efisien;
- Penyediaan perkhidmatan bandar, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti;
- Pewujudan persekitaran bandar yang sejahtera dan beridentiti; dan
- Urus tadbir bandar yang efektif.

3 KRITERIA UTAMA CITY STATE



TERJEMAHAN CITY STATE DALAM RTMPAG 2035 (PENGGANTIAN)

TERAS 1: PENGURUSAN ALAM SEKITAR BERDAYA TAHAN

5 Tindakan (4.5%)

TERAS 2: PEMBANGUNAN EKONOMI GALAKAN PERKASA KOMUNITI

19 Tindakan (17.1%)

TERAS 3: PERSEKITARAN BERDAYA HUNI KOMUNITI SEJAHTERA

45 Tindakan (40.5%)


69 Tindakan daripada keseluruhan cadangan (101 Tindakan & 10 Projek Pemacu) - 62.1%

ALOR GAJAH BANDAR LESTARI DAN BERDAYA HUNI MENJELANG 2035

Bagi mencapai visi Alor Gajah Bandar Lestari dan Berdaya Huni Menjelang Tahun 2035, sebanyak **101 tindakan, 20 projek quick win** dan **10 projek pemacu** telah dicadangkan melalui 9 prinsip pembangunan dan penggunaan tanah, 3 teras serta 22 fokus keberhasilan yang akan dilaksanakan di bawah kategori projek, program, kawalan dan kajian.

Pelaksanaan cadangan-cadangan ini serta penguatkuasaan kawalan pemajuan dapat merealisasikan Alor Gajah yang lestari dan berdaya huni.

KONSEP DAN KORIDOR PEMBANGUNAN



4 KATEGORI PELAKSANAAN TINDAKAN

TERAS 1: PENGURUSAN ALAM SEKITAR BERDAYA TAHAN		TERAS 2: PEMBANGUNAN EKONOMI GALAKAN PERKASA KOMUNITI		TERAS 3: PERSEKUTUAN BERDAYA HUNI KOMUNITI SEJAHTERA		PROJEK PEMACU	
PROJEK	8	PROJEK	15	PROJEK	40	PROJEK	10
PROGRAM	4	PROGRAM	12	PROGRAM	7	PROGRAM	-
KAWALAN	5	KAWALAN	3	KAWALAN	3	KAWALAN	-
KAJIAN	3	KAJIAN	-	KAJIAN	1	KAJIAN	-
20 TINDAKAN		30 TINDAKAN		51 TINDAKAN		10 PROJEK	
Terkemasuk 20 Projek Quick Win (POW) iaitu 7 di bawah Teras 1, 6 di bawah Teras 2 dan 7 di bawah Teras 3							

10 PROJEK PEMACU

PP1	Denai Sungai Kebangsaan
PP2	Tapak Warisan Geologi (Geotapak) Tanjung Tuan
PP3	Koridor Pelancongan Eko Paya Lebar - Kuala Linggi - Tanjung Tuan
PP4	Enklaf Herba dan Wellness Masjid Tanah
PP5	Kampung Pelancongan Warisan Kuala Ina
PP6	Kompleks Industri Perkayuan Teknologi Tinggi Kuala Sungga
PP7	Gig Hub Alor Gajah
PP8	Consolidated Cargo Centre Pulau Sebang
PP9	Riparian Walk Pusat Bandar Alor Gajah
PP10	Riparian Walk Pusat Bandar Masjid Tanah

2.2 RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN 2035 (PENGGANTIAN)

Kawasan Draf RT Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian) adalah meliputi kawasan seluas 76,665.30 hektar iaitu 63,415.1 hektar bagi kawasan daratan dan 13,250.20 hektar kawasan perairan 3 batu nautika serta mempunyai 20 mukim dan 13 pusat petempatan. Dari segi demografi pula, penduduk Daerah Jasin pada tahun 2020 adalah 154,300 orang dan dijangka meningkat pada tahun 2035 dengan unjuran 190,868 orang (sumber: Draf RT MPJ 2035 (Penggantian)). Kawasan RT ini dibahagikan kepada 7 Blok Perancangan dan 57 Blok Perancangan Kecil bagi tujuan kawalan perancangan sehingga tahun 2035.

HALATUJU DAN CADANGAN PEMBANGUNAN KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN


Bagi menyokong matlamat pembangunan yang telah dirancang, Draf RT ini telah membentuk konsep pembangunannya iaitu Jasin – Perbandaran Eko Lestari 2035 dengan berteraskan strategi pembangunan koridor berpusat.

Oleh itu, 162 projek pembangunan dengan 5 teras utama telah dicadangkan melalui 3 kategori iaitu High Impact Project, Quick Win, Projek Sokongan dan 3 fasa pembangunan sehingga tahun 2035.



Projek-projek ini dilihat akan menjadi pemacu dalam mencapai halatuju pembangunan di kawasan MPJ sehingga tahun 2035. Selain itu, cadangan projek dan 5 Teras ini juga turut mengambil kira polisi dan dasar di peringkat antarabangsa mahupun tempatan seperti Sustainable Development Goals, New Urban Agenda, RFN 4, RSN Melaka 2035, Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara ke-2 dan konsep Negeri Bandar konteks Jasin iaitu bermandiri (*independent*). Seluruh kawasan Negeri Melaka adalah sebuah bandaraya dan fokus pembangunan adalah kepada perniagaan dan pelancongan.




CADANGAN GUNA TANAH



Kawasan Pelabuhan Baru :
Cadangan Pembangunan Komersial Enklaf Umbai-Pantai Siring





JASIN KE ARAH PERBANDARAN LESTARI, BERDAYA SAING DAN INKLUSIF adalah merupakan matlamat serta aspirasi Majlis Perbandaran Jasin dalam Draf RT Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian).




PROSPEK PEMBANGUNAN KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN SEHINGGA 2035

Terdapat beberapa prospek pembangunan yang telah dikenalpasti untuk dibangunkan di kawasan Majlis Perbandaran Jasin sehingga tahun 2035. Prospek Pembangunan adalah indikator yang penting untuk memastikan aspirasi sebagai sebuah Perbandaran Lestari, Berdaya Saing dan Inklusif dapat dicapai menjelang tahun 2035. Oleh itu, antara prospek pembangunan tersebut adalah :

- Daerah Lestari
- Daerah Sekuriti Makanan
- Daerah Eko Industri dan Halal Hub
- Daerah Pelaburan Baharu
- Daerah Eko, Agro dan Warisan Pelancongan



2.3 TATACARA PEMPROSESAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) PERINGKAT NEGERI MELAKA



□ PENGENALAN

Buku Panduan ini disediakan bagi menjelaskan tatacara pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) di peringkat Negeri Melaka selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) (Pindaan) 2017 (Akta A1522). Akta A1522 dan Manual Penilaian Impak Sosial (SIA) bagi projek pembangunan (Edisi Ke-2) di Negeri Melaka telah diwartakan pada 1 April 2021 dan berkuatkuasa pada 1 Julai 2021.

SIA didefinisikan sebagai satu proses menganalisis, memantau dan mengurus impak sosial yang dijangka berlaku atau yang tidak terjangka sama ada impak positif atau negatif, ke atas sesuatu langkah intervensi (dasar, program, pelan dan projek) dan apa-apa proses perubahan sosial yang terhasil daripada langkah intervensi tersebut.

□ TUJUAN

Garis Panduan Perancangan ini disediakan bagi membantu Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Melaka dan pemaju di dalam merancang dan mengawal pembangunan yang melibatkan keperluan dan kelulusan Laporan SIA.

□ OBJEKTIF

- Melaksanakan ‘Best Planning Practices’ dalam perancangan dan pembangunan di negeri Melaka.
- Proses membuat keputusan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.
- Sebagai kaedah melaksanakan Pembangunan Sosial iaitu meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup rakyat.
- Pandangan serta aspirasi masyarakat dijadikan input yang penting di dalam perancangan dan pelaksanaan projek.


□ MANFAAT

- ✓ Kesaksamaan sosial dan ekuiti.
- ✓ Penerimaan masyarakat terhadap projek pembangunan.
- ✓ Memaksimumkan faedah sosio ekonomi dan meminimumkan kos.
- ✓ Mempertingkatkan keberkesanan projek melalui pengetahuan dan pengalaman tempatan.
- ✓ Membangunkan kapasiti masyarakat.
- ✓ Melindungi golongan mudah terjejas.

□ PROSES PENILAIAN SIA (KATEGORI 3)

Impak sosial ketara adalah impak sosial yang dikenal pasti mempunyai kesan nyata, boleh dijangka dan berlaku secara langsung (direct impact). Kesan ketara daripada impak sosial yang dijangka berlaku memerlukan strategi mitigasi dan pengurusan impak serta langkah-langkah pelaksanaan yang komprehensif.

Prosedur Penilaian SIA (SIA Kategori 3)



2.4 GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEBENARAN MERANCANG TEMPOH TERHAD NEGERI MELAKA

□ PENGENALAN

GPP ini dibentangkan dan diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka Bil. 3/2021 bertarikh Oktober 2021.

□ TUJUAN

Menyediakan kaedah permohonan KMTT yang mengandungi syarat-syarat, proses dan prosedur kepada PBPT, ‘stakeholder’ dan lain-lain pihak yang berkepentingan.



□ KEPERLUAN PENYEDIAAN GPP

Berdasarkan maklum balas dan permohonan nasihat yang telah diterima daripada PBT untuk menterjemahkan Seksyen 22(5)(a), Akta Perancangan Bandar dan Desa 197 (Akta 172) bagi memenuhi keperluan untuk PBT memproses permohonan KMTT yang bersifat sementara dan bertempoh.

TAFSIRAN UMUM

TAFSIRAN UMUM

Permohonan KMTT ditafsirkan seperti berikut :

1

Pemajuan yang dimaksudkan itu hanyalah bersifat sementara yang mempunyai suatu tempoh tertentu

3

Pemajuan bagi suatu struktur baru bersifat sementara

2

Pemajuan yang dicadangkan di atas tanah milik dan tanah bukan milik tetap seperti tanah yang diberi lesen pendudukan sementara

4

Pemajuan yang dicadangkan mungkin bercanggah dengan Rancangan Pemajuan yang diwartakan bagi kawasan tersebut namun mempunyai kepentingan awam dan nilai ekonomi kepada kawasan setempat

PROSEDUR PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (KM) TEMPOH TERHAD DI BAWAH PERENGGAN 22(5)(A)

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
[AKTA 172]

PANDUAN PELAKSANAAN AKTA 172

PPA 15

PLANMalaysia
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)

KATEGORI DAN AKTIVITI YANG DIBENARKAN



Perubahan Material Penggunaan Bangunan

Suatu pemajuan atau aktiviti yang melibatkan perubahan kegunaan bangunan secara sementara dan tidak melibatkan perubahan struktur sama ada selaras atau tidak selaras dengan rancangan pemajuan sedia ada

Perubahan Material Penggunaan Tanah

Suatu pemajuan atau aktiviti yang tidak selaras dengan perancangan pemajuan semasa tetapi dibenarkan kerana ianya bersifat sementara, bukan struktur yang kekal serta pemajuan yang boleh diberhentikan pada bila-bila masa sekiranya diarahkan

Pemajuan Infrastruktur

Pembangunan infrastruktur bagi menyokong keperluan penduduk dan mengoptimumkan penggunaan bangunan atau tanah sedia ada

Pertanian yang Dijalankan Di Atas Tanah Pertanian dan Tanah Yang Diberikan TOL/Pajakan Tanah Rezab

Pemajuan aktiviti pertanian termasuk penternakan dan akuakultur yang dijalankan diatas tanah pertanian dan tanah yang diberikan kebenaran untuk dimajukan oleh tuan tanah, tanah TOL atau di atas tanah rezab yang diberi pajakan.

TEMPOH MASA KMTT

Tempoh permohonan pertama:

Tidak kurang daripada 1 tahun dan tidak melebihi 12 tahun yang tertakluk kepada jenis kategori permohonan dan keselarasan terhadap rancangan pemajuan serta syarat tanah.

2.5 GARIS PANDUAN PERANCANGAN SKIM PERUMAHAN KOMUNITI STRATA (SPKS) DAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN SKIM KOMUNITI BERPENGAWAL (PERUMAHAN BUKAN STRATA) (SKP)



□ PENGENALAN

Kelulusan kedua-dua GPP tersebut menggantikan GPP “Gated Community” dan “Guarded Neighbourhood” (Komuniti Berpagar dan Kejiranan Berpengawal) yang telah disediakan oleh PLANMalaysia pada tahun 2010. PLANMalaysia@Melaka mengambil inisiatif untuk membuat semakan semula terhadap kandungan dalam kedua-dua GPP tersebut dan telah dluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka Bil. 3/2022.



□ GPP SPKS DAN SKP NEGERI MELAKA

Pindaan Garis Panduan Perancangan Skim Perumahan Komuniti Strata (SPKS) (1)

PERKARA	M/S YANG DIRUJUK DALAM GPP	CADANGAN	JUSTIFIKASI
8.1 Keluasan Pembangunan Keluasan setiap SPKS adalah antara 1 hektar (minimum) hingga 10 hektar (maksimum) atau 200-500 unit kediaman setiap skim.	m/s 4	Mengeluarkan keluasan tanah daripada garis panduan, hanya menetapkan unit kediaman (minimum) bagi setiap skim ialah 200 unit.	Selaras dengan maklum balas dalam JPN Bil. 3/2021 bertarikh 3.10.2021. Ketetapan mesyuarat bersama JPB & COB PBT, PTG, LPM pada 6 Sept. 2021: <ul style="list-style-type: none">• Jumlah unit yang sesuai bagi menampung perkongsian kos penyelenggaraan.• Pembangunan hanya dibenarkan bagi kategori rumah mampu milik dan bebas sahaja.

PERKARA	M/S YANG DIRUJUK DALAM GPP	CADANGAN	JUSTIFIKASI
8.5 Reka Bentuk dan Anjakan Bangunan Lebar lorong belakang minimum adalah 4.572 meter (15 kaki).	m/s 11	Tambahan frasa : Material yang dibenarkan ialah turapan, konkrit dan lain-lain yang dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) PBT.	Selaras dengan maklum balas dalam JPN Bil. 3/2021 bertarikh 3.10.2021. Ketetapan mesyuarat bersama JPB & COB PBT, PTG, LPM pada 6 Sept. 2021 : <ul style="list-style-type: none"> • Penyelenggaraan di bawah JMC. • Peruntukan Akta 318 dimana ianya tidak boleh diserahkan kepada kepada PBT untuk tujuan penyelenggaraan pada masa hadapan.

Pindaan Garis Panduan Perancangan Skim Perumahan Komuniti Strata (SPKS) (2)

PERKARA	M/S YANG DIRUJUK DALAM GPP	CADANGAN	JUSTIFIKASI
8.9 Ketinggian Bangunan Ketinggian maksimum yang dibenarkan bagi rumah sesebuah, berkembar, kluster dan teres di kawasan SPKS adalah 4 tingkat daripada basement (18.5 meter).	m/s 15	Ketinggian maksimum perlu selaras dengan Rancangan Tempatan.	Selaras dengan amalan semasa iaitu ketinggian bangunan dirujuk berdasarkan Rancangan Tempatan dan CAAM.

PERKARA	M/S YANG DIRUJUK DALAM GPP	CADANGAN	JUSTIFIKASI
6.1.2 Keperluan Teknikal vi. Saiz pondok pengawal hendaklah tidak melebihi 1.8 meter x 2.4 meter. vii. Pondok pengawal dibenarkan bersekali dengan tandas dan pejabat pengurusan dengan menyediakan anjakan secukupnya.	m/s 4	Penambahbaikan frasa : vi. Saiz pondok pengawal hendaklah tidak melebihi 1.8 meter x 2.4 meter. vii. Pondok pengawal dibenarkan bersekali dengan ruang solat dan tandas dan pejabat pengurusan dengan menyediakan anjakan secukupnya	Pengesyoran daripada Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat, PBT untuk ruang solat disediakan dalam pondok pengawal supaya pengawal tidak perlu meninggalkan pondok pengawal ketika solat. Ulasan teknikal IWK boleh dimasukkan dalam senarai Agensi Teknikal Luaran (ATL) yang ditetapkan oleh PBT masing-masing.

2.6 BUKU PANDUAN TATACARA PERMOHONAN SECARA RUNDINGAN DI BAWAH SEKSYEN 20A, AKTA 172

□ PENGENALAN

Buku panduan ini merupakan dokumen rujukan dalam proses permohonan Kebenaran Merancang di bawah seksyen 20A, Akta 172. Kandungan buku panduan ini merangkumi objektif, fungsi, prosedur, peranan dan keahlian setiap peringkat proses permohonan serta tatacara proses permohonan.


Buku panduan ini juga akan memastikan keseragaman dalam proses Kebenaran Merancang di bawah seksyen 20A, Akta 172 selaras dengan hasrat kerajaan untuk memudahkan cara perkhidmatan yang disampaikan kepada rakyat selain bagi membolehkan semua pihak memainkan peranan serta tanggungjawab masing-masing dengan lebih efisien dan efektif.

BUKU PANDUAN TATACARA PERMOHONAN SECARA RUNDINGAN DI BAWAH SEKSYEN 20A, AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)



Penggunaan Buku panduan ini telah diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka Bil. 3/2022 bertarikh 20 September 2022 dan boleh digunakan oleh semua PBT dan agensi teknikal di Negeri Melaka.

□ CARTA ALIR PERINGKAT PROSES RUNDINGAN SEKSYEN 20A



Pada awalnya permohonan di bawah seksyen 20A, Akta 172 ini hanyalah projek-projek kerajaan yang diuruskan sendiri oleh JKR. Berikut merupakan beberapa contoh projek yang pernah dikemukakan ke PLANMalaysia@Melaka.

Walau bagaimanapun, ianya telah diperluaskan kepada Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta lain-lain jabatan dan agensi yang berkaitan di peringkat negeri atau persekutuan di Negeri Melaka.



Bil. Projek

- i. Cadangan Membina dan Menyiapkan Sekolah Rendah Agama (JAIM) Permatang Pasir, Daerah Melaka Tengah, Melaka
- ii. Cadangan Membina dan Menyiapkan Sebuah Klinik Kesihatan Jenis 4 Beserta Kuarters di Mukim Chabau, Daerah Jasin, Melaka.
- iii. Cadangan Membina dan Menyiapkan Masjid Tehel di atas Lot 2468 dan Lot 2469, Mukim Ayer Panas, Daerah Jasin, Melaka
- iv. Pembinaan Litar Latihan dan Ujian Memandu di Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia di atas Lot 683, Mukim Ayer Molek, Melaka



2.7 BUKU PANDUAN TATACARA PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DI BAWAH SUBSEKSYEN 5(2), AKTA 172

□ PENGENALAN

Buku panduan ini merupakan dokumen rujukan dalam proses permohonan Kebenaran Merancang di bawah subseksyen 5(2), Akta 172. Kandungan buku panduan ini merangkumi objektif, fungsi, prosedur, peranan dan keahlian setiap peringkat proses permohonan serta tatacara proses permohonan.


Buku panduan ini juga akan memastikan keseragaman dalam proses Kebenaran Merancang di bawah subseksyen 5(2), Akta 172 selaras dengan hasrat kerajaan untuk memudahkan cara perkhidmatan yang disampaikan kepada rakyat selain bagi membolehkan semua pihak memainkan peranan serta tanggungjawab masing-masing dengan lebih efisien dan efektif.



Penggunaan Buku panduan ini telah diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka Bil. 3/2022 bertarikh 20 September 2022 dan boleh digunakan oleh semua PBT dan agensi teknikal di Negeri Melaka.

PROSES UTAMA PERMOHONAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 5(2)

Enam peringkat proses permohonan seperti rajah di bawah :



Rajah 1: Enam Peringkat Proses Permohonan

- | | | |
|----------------------|---|---|
| » Peringkat 1 | : | Penerimaan permohonan |
| » Peringkat 2 | : | Memproses permohonan |
| » Peringkat 3 | : | Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kebenaran Merancang |
| » Peringkat 4 | : | Mesyuarat Kelulusan Kebenaran Merancang |
| » Peringkat 5 | : | JK Teknikal Jawatankuasa Perancang Negeri / JK Perancang Negeri |
| » Peringkat 6 | : | Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri |




Melaka Power Plant, Kuala Sungai Baru
Sumber : HSL Constructor Pte Ltd



Kuala Linggi International Port
Sumber : Linggi Base Sdn. Bhd.


□ CARTA ALIR KESELURUHAN PERINGKAT 1 HINGGA PERINGKAT 6



2.8 GARIS PANDUAN PERANCANGAN LALUAN BASIKAL DAN PEJALAN KAKI NEGERI MELAKA

□ PENGENALAN

Garis panduan Penyediaan Laluan Basikal dan Pejalan Kaki (GPP LBPK) ini disediakan sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melaksanakan penyediaan kemudahan laluan basikal yang komprehensif, selamat, selesa, mempunyai kesinambungan (interconnected) dan mudah sampai (accessible) selaras dengan prinsip inisiatif pembangunan kejiranan hijau di dalam Negeri Melaka.



Penggunaan GPP LBPK ini telah diluluskan di Mesyuarat JK Perancang Negeri Melaka Bil. 1/2021 bertarikh 29 Mac 2021 dan boleh digunakan oleh semua PBT di Negeri Melaka bagi jalan-jalan sedia ada dan cadangan jalan-jalan baru. Manakala jalan-jalan Negeri hendaklah merujuk kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka.



Laluan Basikal dan Pejalan Kaki di Kg. Morten, Melaka

□ KEPENTINGAN PENYEDIAAN LALUAN BASIKAL DAN PEJALAN KAKI

GPP LBPK ini disediakan sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi teknikal dan pihak pemaju dalam merancang pembangunan di Negeri Melaka.

GPP LBPK ini telah mengambil kira beberapa aspek antaranya ialah :

- Aspek keselamatan penunggang basikal.
- Aspek keselamatan pejalan kaki
- Aspek keperluan kelebaran laluan
- Aspek aksesibiliti dan kemudahsampaian.

Kawasan-kawasan yang memerlukan laluan basikal dan pejalan kaki adalah seperti berikut :


- Kawasan Perumahan
- Kawasan Komersial
- Taman Rekreasi
- Institusi Pendidikan

□ PELAN INDUK LALUAN BASIKAL DAN PEJALAN KAKI

GPP LBPK ini digunakan untuk jalan-jalan di bawah tanggungjawab PBT. Bagi penyediaan laluan basikal dan pejalan kaki di jalan-jalan Persekutuan dan jalan-jalan Negeri, kelulusan adalah diberi oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Kerajaan Negeri bersama semua PBT di Negeri Melaka telah menyediakan Pelan Induk Laluan Basikal dan Pejalan Kaki Negeri Melaka. Ianya boleh diakses melalui Kod QR di sebelah :



Kod QR Pelan Induk Laluan Basikal
dan Pejalan Kaki Negeri Melaka



MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

2.9 PROFIL PEKAN-PEKAN KECIL NEGERI MELAKA

□ PENGENALAN

Penyediaan Buku Profil Pekan-Pekan Kecil Negeri Melaka bertujuan menerangkan profil dan keadaan semasa serta analisis pekan-pekan kecil yang terdapat di Negeri Melaka. Laporan ini adalah perlu bagi melengkapkan proses pembangunan pekan - pekan kecil di Negeri Melaka.

Berdasarkan kepada Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah (Penggantian), Majlis Perbandaran Jasin (Penggantian) dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (penggantian) yang terkini terdapat 23 pekan kecil yang dikaji.

Daerah	Nama Pekan
Melaka Tengah	<ul style="list-style-type: none">✓ Pekan Kandang✓ Bukit Rambai
Alor Gajah	<ul style="list-style-type: none">✓ Pekan Rembia✓ Pekan Machap✓ Pekan Gadek✓ Pekan Lendu✓ Pekan Tanjung Bidara✓ Pekan Hutan Percha✓ Pekan Machap Baru✓ Pekan Ramuan China Besar✓ Pekan Melaka Pindah✓ Pekan Ayer Paabas✓ Pekan Menggong✓ Pekan Brisu
Jasin	<ul style="list-style-type: none">✓ Pekan Selandar✓ Pekan Batang Melaka✓ Pekan Nyalas✓ Pekan Asahan✓ Pekan Simpang Bekoh✓ Pekan Chin-Chin✓ Pekan Umbai✓ Pekan Sungai Rambai



► Buku Profil Pekan-Pekan Kecil Negeri Melaka Edisi 02

► Senarai Pekan-Pekan Kecil Negeri Melaka




❑ IMEJ SATELIT PEKAN-PEKAN KECIL

Berikut merupakan imej satelit bagi beberapa pekan kecil di Negeri Melaka :



□ PELAN GUNA TANAH SEMASA DAN ZONING

Berikut merupakan pelan guna tanah semasa dan zoning bagi Pekan Tanjung Bidara dan Lendu :



2.10 APLIKASI MeLGIS (*MELAKA GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM*)

□ PENGENALAN

Selaras dengan hasrat negara untuk memperkembangkan sektor GIS, PLANMalaysia@Melaka merupakan salah satu agensi yang mengambil peluang atas usaha Kerajaan Negeri Melaka untuk mengembangkan penggunaan GIS di Negeri Melaka.



Paparan Utama

Pembangunan pengkalan data pembangunan dan perancangan GIS di PLANMalaysia@Melaka dimulakan pada tahun 2006 dan berterusan sehingga kini. Terkini Jabatan telah membangunkan *GIS Web base* yang ditambahbaik dari versi sebelumnya dan boleh digunakan oleh semua peringkat lapisan masyarakat bagi mendapatkan maklumat berkaitan pembangunan spatial perancangan bandar Negeri Melaka.


Katalog Data

Katalog Data memaparkan senarai data-data yang boleh dicapai mengikut kategori pengguna. Untuk pengguna Premium, terdapat beberapa jenis data yang boleh dibeli di sini.

Pengguna Awam	Pengguna Premium	Kakitangan
Grid Melaka	Grid Melaka	Grid Melaka
Sempadan Daerah	Sempadan Daerah	Sempadan Daerah
Sempadan Mukim	Sempadan Mukim	Sempadan Mukim
Sempadan PBT	Sempadan PBT	Sempadan PBT
Jalan	Jalan	Jalan
Gunatanah Semasa 2 Tahun Sebelum	Gunatanah Semasa (5 Tahun Terkini)	Gunatanah Semasa (5 Tahun Terkini)
	Lot Kadaster	Lot Kadaster
	Sempadan Parlimen	Sempadan Parlimen
	Sempadan DUN	Sempadan DUN
	Sempadan Kampung	Sempadan Kampung
	Sempadan Taman Perumahan	Sempadan Taman Perumahan
	Sempadan BP	Sempadan BP
	Sempadan BPK	Sempadan BPK
	Gunatanah Zoning	Gunatanah Zoning
	Gunatanah Komited (5 Tahun Terkini)	Gunatanah Komited (5 Tahun Terkini)
		Tanah Lapang Warta Melaka

□ GOLONGAN SASAR

Aplikasi MeLGIS ini merupakan alat untuk **membantu golongan sasar membuat keputusan (decision making)** khususnya berkaitan dengan perancangan pembangunan fizikal di sesuatu tempat.



1 Jabatan / Agensi Kerajaan

- Data gunatanah yang seragam dan selaras.
- Meningkatkan mutu perkhidmatan penyampaian kerajaan.
- Menjimatkan masa dan mengurangkan kos dalam menyediakan maklumat gunatanah.
- Membantu pemantauan penguatkuasaan dan kawalan pembangunan.

2 Penyelidik / Pelajar IPT

- Penyelidik dan pelajar IPT dapat menggunakan data gunatanah di dalam Aplikasi MeLGIS ini untuk menjalankan kajian dan penyelidikan bagi tujuan akademik.


3 Pelabur / Pemaju

- Maklumat asas gunatanah, penentuan lokasi yang sesuai dan tepat serta perancangan marketing bagi tujuan membuat pelaburan.

4 Orang Awam

- Maklumat jenis gunatanah yang telah dirancang.
- Melihat pembangunan masa hadapan di kawasan mereka.

□ MANFAAT



2.11 BULETIN PERANCANGAN

□ BULETIN PERANCANGAN EDISI 2021

Penghasilan Buletin ini bertujuan untuk berkongsi maklumat kepada umum tentang aktiviti atau program tahunan yang telah dijalankan oleh PLANMalaysia@Melaka. Ia juga merupakan satu medium perkongsian dan penyebaran maklumat tentang aktiviti dan projek-projek penting yang dilaksanakan oleh jabatan.

BULETIN
PLANMalaysia@Melaka

PERANCANGAN MELANGKUI KEJAZIEN | PLANNING : BEYOND CONVENTIONAL

PLANMalaysia@Melaka
JABATAN PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA

□ Maklumat Pentadbiran PLANMalaysia@Melaka Tahun 2021

Maklumat Perjawatan PLANMalaysia@Melaka Tahun 2021

No.	Jawatan	Gred	Bilangan Perjawatan	Pergantian	Kekosongan
1	Pegawai Perancang Bandar dan Desa	JS4	1	1	0
2	Pegawai Perancang Bandar dan Desa	JA8	2	2	0
3	Pegawai Perancang Bandar dan Desa	JA4	1	1	0
4	Perolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa	JA1/4A	5	5	0
5	Desa dan Desa	JA3B	2	2	0
6	Perolong Pegawai Perancang Bandar	JA3G	4	4	0
7	Perolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa	JA2B	31	24	7
8	Perolong Pegawai Teknologi Malmalum	FA2B	1	1	0
9	Perolong Pegawai Seni Bina	JA2B	2	2	0
10	Polokas Pelan (Seni Bina)	JA22	4	(3 KUP JA22)	3
11	Perwakilan Pegawai Perancang Bandar	NA6	1	1	0
12	Perolong Pegawai Taibor	NA9	1	1	0
13	Pembangunan Tadbir (Pekerjaan) / Operasi	NA22	1	1	0
14	Pembangunan (kewangan)	W19	(3 KUP W22)	4	0
15	Pembangunan Tadbir (Pentadbiran) / Operasi	N19	(3 KUP N22)	8	0
16	Pembangunan Operasi	N11	1	1	0
17	Pemerkasaan Kenderaan	H11	1	1	0
JUMLAH		70	63	7	

Pertukaran Masuk dan Keluar Pegawai / Kaktangan PLANMalaysia@Melaka Tahun 2021

No.	Nama Pegawai	Sijawatn / Gred	Status	Tarikh	Catatan
1	T Atir Anuar bin T. Peninggal Pengarib/	MAJU	Masuk	02.05.2021	Lantikan Baru
2	En. Mohd Amri bin Sharif	Pelaksana Sumbawa	Keluar	01.05.2021	Pelepasan Jawatan
3	En. Roscahan bin Daud	Penolong Pengarib/	Bertukar masuk	15.10.2021	Pertukaran
4	Puan Nor Afidna binti Bahruddin	Penolong Pengarib/	Bertukar keluar	15.10.2021	Pertukaran

□ Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN)

Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) telah berlangsung seluruhnya & kali pertama tahun 2021

Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia secara Siang Penuh

□ Taklimat dan Lawatan Tapak Perancangan & Pengurusan Perkuburan Islam Berpusat Kuala Lumpur

Sei lawatan dan taklimat bersama JAWI di Tapak Perkuburan Islam Raudhatul Sakinah, Taman Selawati, Kuala Lumpur pada 01 Oktober 2021

11

□ Program Gotong Royong Membersihkan Pulau Undan, Melaka Sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia

Program Pemuliharaan dan Pembersihan Kawasan Pantai dan Perairan Pulau Undan, Melaka diadakan pada 2 Oktober 2021 sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPS) dan Sambutan 100 Tahun Perancangan Bandar Malaysia (100PBM).

15

□ Pembikinan Video Mini Dokumentari "Sungai Melaka, Aset Warisan Dunia – Perancangan Melangku 100 Tahun"

SUNGAI MELAKA
Aset Warisan Dunia Perancangan Melangku 100 Tahun

Video Mini Dokumentari ini dibuat untuk ditayangkan sempena Sambutan 100 Tahun Perancangan Bandar Malaysia (100PBM)

16

□ Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2020

Bersama Presiden APC, Dr. Haji Ahmad Ismail Jang – APC 2020 PlaMabahru
Dato' Seri Venkateswaran Hindu (APC) – APC 2020 PlaMabahru/Mewas
Dr. Azizan Zainal Abidin (APC) – APC 2020 PlaMabahru/Mewas
Dato' Dr. Mohd Khir Johari (APC) – APC 2020 PlaMabahru/Mewas
Dato' Dr. Noordin Md. Yusof (APC) – APC 2020 PlaMabahru/Mewas
Dato' Dr. Noordin Md. Yusof (APC) – APC 2020 PlaMabahru/Mewas

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2020 telah diadakan pada 9 April 2021 di Hotel AMED, Melaka

22

□ Permainan Ping Pong

Perlawanan ping pong berlangsung selama 3 hari bermula dari 22 Mac hingga 26 Mac 2021 di ruang ligar pejabat (Bahagian Pengurusan)

23

28

2.12 MONOGRAF JABATAN

□ MONOGRAF TAHUN 2021

Penerbitan monograf ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada jabatan-jabatan kerajaan serta agensi-agensi swasta yang lain berkenaan produk-produk yang telah dihasilkan oleh PLANMalaysia@Melaka seperti garis panduan, tatacara, proses dan sebagainya.



Monografi

Produk Jabatan

PLANMalaysia

(JABATAN PERANCANGAN BINA NEGERI MELAKA)


01	02	03
Kajian Pelan Induk Pelancongan Negeri Melaka 2035	Garis Panduan Perancangan Rumah Penyewahan Selain Islam Negeri Melaka (RPSI)	Pelan Jabatan
05	06	07
Garis Panduan Perancangan Laluan Basikal dan Pejalan Kaki Negeri Melaka (Draft)	Buku Panduan Tatacara Pemprosesan Permohonan Secara Rundingan di Bawah Seksyen 20A, Akta 172, Negeri Melaka (Draft)	Pelan
09	10	11
Garis Panduan Perancangan Komunikasi (Struktur Pemancar) Sebagai Utiliti Ke-3 Negeri Melaka	Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Peringkat Negeri Melaka (Draft)	Garis Panduan
13	14	15
Kajian Pembangunan Data Spasial Sempadan Jawatankuasa Pembangunan & Keselamatan Kampung (JPKK)	Sistem Pengurusan PLANMALAYSIA	Matlamat

e) Gambar / Dala Asas / Lain-lain

Keratan Rentas Laluan Basikal & Pejalan Kaki Mengikut Ukuran Jalan



Keratan Rentas Jalan 20 Meter (100 Kaki) Mengikut Arah Teknik Jalan (JKR)



Keratan Rentas Jalan 20 Meter (100 Kaki) Mengikut Arah Teknik Jalan (JKR)



Keratan Rentas Jalan 12 Meter (40 Kaki)



Laluan Basikal Kaki Sedia Ada di Sg. Melaka



Keratan Rentas Jalan 10 Meter (50 Kaki)



Keratan Rentas Jalan 10 Meter (50 Kaki)



Keratan Rentas Jalan 8 Meter (40 Kaki)

Laluan Basikal Kaki di Bandar Hilir

b) Tujuan / Matlamat

Matlamat bagi kajian "Menghasilkan Pelan Induk Pelancongan Negeri Melaka"

5.12 MELAKA GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM (GIS)

a) Pendekatan

Selaras dengan hasrat Negara untuk memperkembangkan Geospasial Negara (MyGDI), telah merangka satu infrastruktur perkhlongan data geospasial antara seluruh agensi kerajaan.

PLANMalaysia@Melaka merupakan salah satu agensi kerajaan yang dilantik untuk mengembangkan pengkalan data pembangunan dan perancangan sehingga pada tahun 2009, Jabatan merangka untuk dilihat dan digunakan oleh semua orang.

c) Objektif

Mengenali pasti kriteria penentuan sempadan JPKK kampung

Menetapkan sempadan JPKK dan sempadan kampung secara spatial berdasarkan kriteria-kriteria yang dipersetujui oleh semua pihak

Menandakan kedudukan spatial unit kediaman, nama jalan dan nombor rumah di setiap kampung

Menyediakan pengkalan data sempadan kampung, nama jalan dan nombor rumah

Mengenali pasti maklumat isi rumah dan pemilikan bagi setiap unit rumah

e) Gambar / Dala Asas

KATEGORI DAN AKTIVITI YANG BERPENGARUH TERHADAP PENGETAHUAN MASYARAKAT

<p>Perubahan Material Penggunaan Bangunan</p> <p>Suatu pemajuan atau aktiviti yang melibatkan perubahan kegunaan bangunan secara sementara dan tidak melibatkan perubahan struktur sama ada selaras atau tidak selaras dengan rancangan pemajuan sedia ada</p>	<p>Perubahan Material Penggunaan Tanah</p> <p>Suatu pemajuan atau aktiviti yang tidak selaras dengan perancangan pemajuan semasa tetapi dibenarkan kerana ianya bersifat sementara, bukan struktur yang kekal serta pemaju yang boleh diberhentikan pada bila-bila masa sekitaranya diarahan</p>
---	---

45

b) Tujuan / Matlamat

Matlamat pembangunan migrasi ini adalah untuk seamless dalam pengemasinan data secara bersepadu

50

51

52

53

54

55

3.0
PENUTUP

3.1 KESIMPULAN


Monograf pada edisi ini menceritakan tentang produk-produk jabatan yang telah dan sedang dihasilkan oleh PLANMalaysia@Melaka hasil kerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan dan agensi teknikal yang lain.

Penerbitan monograf ini memberi manfaat kepada umum, agensi-agensi kerajaan dan juga pihak swasta dalam menjadikan asas kepada perancangan dan pembangunan yang lebih berdaya saing khususnya di Negeri Melaka.

Dengan adanya info seperti ini secara tidak langsung dapat memberi gambaran asas kepada orang ramai dan boleh diperolehi secara lebih jelas daripada Jabatan PLANMalaysia@Melaka.

Secara keseluruhannya, terdapat 12 produk jabatan yang telah diterangkan secara asas di dalam monograf ini :-

- a) Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian)
- b) Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian)
- c) Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Peringkat Negeri Melaka
- d) Garis Panduan Perancangan Kebenaran Merancang Tempoh Terhad Negeri Melaka
- e) Garis Panduan Perancangan Skim Perumahan Komuniti Strata (SPKS) dan Garis Panduan Perancangan Skim Komuniti Berpengawal (Perumahan Bukan Strata) (SKP)
- f) Buku Panduan Tatacara Permohonan Secara Rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta 172
- g) Buku Panduan Tatacara Permohonan Kebenaran Merancang di bawah Subseksyen 5(2), Akta 172
- h) Garis Panduan Perancangan Laluan Basikal dan Pejalan Kaki Negeri Melaka
- i) Profil Pekan-Pekan Kecil Negeri Melaka
- j) Aplikasi MeLGIS (*Melaka Geographic Information System*)
- k) Buletin Perancangan
- l) Monograf Jabatan



3.2 PENGHARGAAN & TERIMA KASIH

PLANMalaysia@Melaka dengan kerjasama agensi-agensi yang lain telah berjaya menghasilkan beberapa produk yang bermanfaat terutamanya berkaitan bidang perancangan bandar dan desa. Data-data yang telah dihasilkan boleh dijadikan sebagai panduan atau rujukan terhadap sesuatu perancangan pembangunan.

Justeru itu, pihak PLANMalaysia@Melaka ingin merakamkan setinggi - tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri Melaka, semua jabatan-jabatan teknikal, agensi-agensi Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka, semua pegawai dan kakitangan PLANMalaysia@Melaka serta mana - mana individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbang tenaga dan idea bagi menjayakan penerbitan Monograf PLANMalaysia@Melaka 2022.

KULIT REPORT



PLANMalaysia@Melaka

(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI MELAKA)

Perancangan Melangkuai Kelaziman

Planning : Beyond Conventional

**MONOGRAF
PRODUK JABATAN
TAHUN 2022**

